

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 5/1975**

**PINDAHMILIK TANAH DALAM KAWASAN SIMPANAN TANAH BAGI
ANAK-ANAK MELAYU YANG TELAH DILULUSKAN OLEH MMK
DENGAN CARA PAJAKAN 99/66 TAHUN**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang diatas dan memaklumkan bahawa M.M.K yang bersidang pada 29.10.1975, selepas menimbang Kertas Bil. 20/724/75(11) bagaimana kandungan (12) dalam fail KES/KB (K) 2775, disamping menimbang dan meluluskan pengesuran dalam kertas itu, telah membuat satu ketetapan sebagai dasar iaitu mana-mana permohonan yang telah dilulus oleh Kerajaan bagi Pajakan Negeri yang diangkat semula bagi mendapat kelulusan bagi dikenakan syarat-syarat tertentu yang dicadangkan oleh Pemungut Hasil Tanah dan disokong oleh Pengarah Tanah dan Galian tidak perlu lagi diangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan sebaliknya memadailah diangkat kepada YAB Dato Menteri Besar untuk dipertimbangkan.

2. Melalui Arahan ini Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil ingatan diatas ketetapan Kerajaan bagaimana di atas dan jika ada terdapat fail-fail permohonan yang telah dibuat keputusan oleh M.M.K. bagaimana di perenggan I diatas hendaklah menyediakan kertas pengesuran bagaimana biasa dan edarkan ke pajabat ini untuk diangkat bagi timbangan YAB Dato Menteri Besar.

3. Sebagai panduannya, Kertas pengesuran itu bolehlah diikut bagaimana contohnya dodalam Lampiran “A”.

(Mohd..Tajol Aros B.Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

**KES/KB/(K) 2775/(13)
A.L.M. 68/58/(15)
PTG.(KN) 32/69/(33)
25hb. November, 1975**

Kepada:

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

s.k.

YB. Dato setiausaha Kerajaan Kelantan

Semua Pegawai2 Jajahan, Kelantan

Setiausaha Kepada YAB Dato Menteri Besar

LAMPIRAN ‘A’

JENIS:

MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

FAIL:

KERTAS BIL:

Syarat-syarat Pemberian Milik Tanah Yang Telah Diluluskan oleh M.M.K kepada.....

M.M.K. yang bersidang pada.....selepas menimbang
Kertas Bil:.....bagaimana di kandungan () dalam fail
.....telah bersetuju memberi kebenaran di bawah Bab 13A
Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu tahun 1930 dan Bab 104/9
Undang-undang tanah Kelantan 1938, kepada.....
untuk memindahkan tanah/tanah-tanah yang di bawah ini kepada.....
dengan Pajakan 99/66 tahun.

2. Bakal penerima pindahan ini telah diberitahu tentang syarat-syarat kelulusan itu dan beliau bersetuju menerima syarat-syarat itu bagaimana suratnya di kandungan () dalam fail
3. Pemungut Hasil Tanahmengeyorkan cara dan syarat-syarat pemberian milik itu adalah seperti berikut:
 - (a) Tuanpunya tanah iaitu.....
menyerah balik tanah.....
kepada Kerajaan Negeri:
 - (b) Bakal penerima pindahmilik iaitu.....
K/P:.....memohon milik tanah di atas
Dengan menggunakan Borang Jadual 1 di bawah Peraturan Tanah
Kelantan, 1966;
 - (c) Kemudian daripada itu tanah lot.....Luas.....
diberi milik kepada.....
dengan terkena kepada syarat-syarat berikut:-

- | | | |
|--------|-------------------------------|---|
| (i) | Jenis Hakmilik: | Pajakan Negeri/Pajakan Mukim |
| (ii) | Tempoh Pajakan: | |
| (iii) | Harga Tanah: | \$10.00 (atas nama sahaja) |
| (iv) | Jenis Kegunaan
Tanah: | |
| (v) | Hasil tahunan: |
.....
..... |
| (vi) | Upah Ukur: | Mengikut kadar yang terjadual di bawah
L.N. 486/65 |
| (vii) | Lain-lain bayaran
pejabat: | Mengikut kadar yang terjadual di bawah
Peraturan Tanah Kelantan 1966 |
| (viii) | Syarat Nyata: | <ul style="list-style-type: none"> * Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan bangunan..... mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh..... • Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini bolehlah digunakan untuk ditanam dengan pokok-pokok getah yang diluluskan oleh Pengarah Pertanian Negeri daripada jenis Havea Braziliensis atau lain-lain jenis yang boleh mengeluarkan susu yang banyak.. • (yang berkenaan mengikut Jenis Kegunaan) |

4. Pengarah Tanah dan Galian Kelantan menyokong pengesyoran Pemungut Hasil Tanah.....bagaimana di perenggan 3 di atas.

5. Majlis adalah diminta menimbangkan dan membuat keputusan samada pengesyoran di perenggan 3 dan 4 di atas diluluskan atau tidak.